



18 Disember 2015  
18 December 2015  
P.U. (A) 299

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN  
(PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN  
PILIHAN RAYA) (NEGERI SARAWAK) 2015

*FEDERAL CONSTITUTION (DELIMITATION OF  
CONSTITUENCIES) (STATE OF SARAWAK)  
ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

### PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA) (NEGERI SARAWAK) 2015

BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah, mengikut kehendak Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, melaksanakan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri Sarawak selaras dengan keputusan Dewan Undangan Negeri Sarawak yang meluluskan pindaan undang-undang ke atas Fasal (2) Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sarawak berhubung komposisi keanggotaan Dewan Undangan Negeri daripada 71 kerusi kepada 82 kerusi, yang telah diwartakan untuk berkuat kuasa pada 5 Disember 2014;

DAN BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah, mengikut seksyen 8 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan, mengemukakan kepada Perdana Menteri pada 21 Ogos 2015 laporannya yang mengandungi syor-syor berkenaan dengan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri Sarawak;

DAN BAHAWASANYA laporan Suruhanjaya Pilihan Raya itu telah dibentangkan di Dewan Rakyat mengikut peruntukan seksyen 9 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sarawak) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 19 Disember 2015.

**Syor-syor hendaklah berkuat kuasa**

2. Syor-syor yang terkandung dalam laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 19 Ogos 2015 hendaklah berkuat kuasa dari tarikh Perintah ini mula berkuat kuasa.

Dibuat 17 Disember 2015

[PM(R)11880/A088/4 Jld.5; SPR(R)60 Jld.18; PN(PU2)171C/VI]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DR. ALI HAMSA  
*Setiausaha Kabinet*

**FEDERAL CONSTITUTION**

**FEDERAL CONSTITUTION (DELIMITATION OF CONSTITUENCIES)  
(STATE OF SARAWAK) ORDER 2015**

WHEREAS the Election Commission has, in accordance with the requirements of Clause (2) of Article 113 of the Federal Constitution, conducted a review on the delimitation of the Federal and State constituencies of the State of Sarawak pursuant to a resolution of the Legislative Assembly of the State of Sarawak which passed the amendment to Clause (2) of Article 14 of the Constitution of the State of Sarawak regarding the composition of the membership of the State Legislative Assembly from 71 seats to 82 seats, which has been gazetted to be in force on 5 December 2014;

AND WHEREAS the Election Commission has, in accordance with section 8 of Part II of the Thirteenth Schedule to the Federal Constitution, submitted to the Prime Minister on 21 August 2015 its report containing recommendations with respect to the review on the delimitation of the Federal and State constituencies of the State of Sarawak;

AND WHEREAS the report of the Election Commission has been laid before the House of Representatives in accordance with section 9 of Part II of the Thirteenth Schedule to the Federal Constitution;

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by section 12 of Part II of the Thirteenth Schedule to the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This Order may be cited as the **Federal Constitution (Delimitation of Constituencies) (State of Sarawak) Order 2015**.

(2) This Order comes into operation on 19 December 2015.

**Recommendations to have effect**

2. The recommendations contained in the report of the Election Commission dated 19 August 2015 shall have effect from the date of the coming into operation of this Order.

Made 17 December 2015

[PM(R)11880/A088/4 Jld.5; SPR(R)60 Jld.18; PN(PU2)171C/VI]

By Command

TAN SRI DR. ALI HAMSA  
*Secretary to the Cabinet*